

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JMK 211/215 – Kritikan Kesusteraan dan Disiplin Bantu

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat bertaip sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Gunakan Buku Jawapan yang disediakan, dan tuliskan angka giliran anda yang betul di atas borang kehadiran & ruang yang disediakan.

Tuliskan Kod Kursus anda yang betul di kulit luar dan di bahagian atas muka surat pertama setiap jawapan.

Jawab Soalan 1 dan Soalan 2 daripada Bahagian A dan 2 soalan daripada Bahagian B.

Anda dibenarkan membawa pulang kertas soalan ini di akhir tempoh Peperiksaan.

Bahagian A

1. Berikan nota atau catatan ringkas untuk setiap perkara di bawah:

- (i) Sumbangan disiplin Falsafah dalam kemunculan Kritikan Sastera.
- (ii) Konsep ‘*mimesis*’ dalam Kritikan Seni Klasik
- (iii) ‘*Dilemma*’ Plato tentang kedudukan Seniman.
- (iv) Konsep ‘*katharsis*’ dalam teori Aristotle.
- (v) Senario Kritikan Seni dalam zaman Pertengahan (*Middle Ages*).
- (vi) Landasan Sejarah dalam pendekatan Kritikan Sastera.
- (vii) Aliran ‘*Romanticism*’ dalam sejarah Kritikan Sastera di Eropah.
- (viii) Aliran ‘*Romanticism*’ dalam sejarah Kritikan Sastera di England.
- (ix) Gerakan *Formalist* di Russia.
- (x) Sumber-sumber Pemikiran Psikologi dalam Kritikan moden.

(100 markah)

2. Merujuk kepada pendekatan dan kritikan ‘sosiologi sastera’, dan dengan menerapkannya ke atas mana-mana satu novel moden yang telah anda kaji, bincangkan tentang: (a) kesesuaian dan kewajaran aplikasi anda itu, (b) langkah-langkah utama dalam analisis yang dibuat, dan (c) pengetahuan tertentu yang diperolehi daripada penggunaan pendekatan tersebut.

(100 markah)

Bahagian B

3. Merujuk kepada pendekatan dan ‘analisis struktural’ yang diilhami oleh *structuralism* moden, dan dengan menggunakan contoh-contoh daripada puisi Melayu atau Indonesia moden yang telah anda kaji, bincangkan tentang: (a) kewajaran pendekatan tersebut, (b) langkah-langkah utama dalam analisis yang dibuat, dan (c) sejauh manakah pendekatan tersebut membantu anda dalam menemukan lapisan-lapisan makna yang di dalam puisi-puisi tersebut.

(100 markah)

4. “Kritikan Sastera secara popular mahu pun secara akademik di Malaysia dalam dekad-dekad 1960an hingga 1990an dipenuhi dengan pelbagai proses peminjaman idea-idea dan pendekatan daripada Kritik Sastera Barat. Ini berpunca daripada beberapa faktor, termasuklah *trend* penulisan kreatif, corak pendidikan, dan kecenderungan ahli Kritik Sastera itu sendiri.” Bincangkan dengan memberi contoh-contoh sewajarnya.

(100 markah)

5. “Dalam senario Kesusteraan (atau Penulisan Kreatif) di Dunia Barat moden, Kritikan Sastera berpotensi untuk menerapkan pendekatan dan teori ‘Psikologi Sastera’ disebabkan terdapat pelbagai faktor di sekitar Pengarang, Proses Kreatifnya, dan Khalayak (Audien pembaca).” Bincangkan kenyataan ini.

(100 markah)

6. “Kritikan Sastera moden sebagai satu cabang daripada Disiplin Kesusteraan tidak dapat mengelak daripada menyusur galurkan kesinambungannya dengan dunia ilmiah atau *akademia* yang telah lalu – di mana telah diperolehi pelbagai idea, aliran teori, dan pendekatan yang bermanfaat untuk aplikasi pada masa kini.” Hurai dan bincangkan.

(100 markah)